



**BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN**  
*Sports, Co-curricular and Arts Division*  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
*Ministry of Education Malaysia*  
Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002  
Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790  
Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KPM.600-4/1/1 JLD. **33 ( 11 )**  
Tarikh : **27** November 2024

Presiden INNOTECH  
Association of Young Innovators and Technologist  
S2, Tingkat 2, BB Bazaar  
Jalan Delima 2, Taman Kerjasama  
**Melaka**

Tuan,

**PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PELIBATAN MURID BAGI *IXT-CHANGE SUMMIT 2024* ANJURAN INNOTECH ASSOCIATION OF YOUNG INNOVATORS AND TECHNOLOGIST**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia mengucapkan tahniah atas usaha pihak tuan kerana telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui *IXT-Change Summit 2024* Anjuran Innotech Association of Young Innovators And Technologist yang dilaksanakan pada **18 Oktober 2024**.

3. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian telah menerima serta meneliti laporan penglibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan adalah **Pelibatan I dan Pencapaian Peringkat Kebangsaan**. Markah ini diambil kira dalam pemarkahan penglibatan kokurikulum dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan pemarkahan, pihak penganjur perlu merujuk kepada jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di **Lampiran A**.

4. Sehubungan dengan itu, pihak tuan dimohon untuk memanjangkan salinan surat pengiktirafan program berserta senarai pemenang dan peserta yang terlibat kepada Jabatan Pendidikan Negeri yang berkenaan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi **Dr. Fazura binti Mohd Noor** di talian **03-88721649** atau e-mel [fazura.mohd@moe.gov.my](mailto:fazura.mohd@moe.gov.my)

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(ITHNIN BIN MAHADI)**

Pengarah  
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**PENERANGAN PENYELARASAN PENGIKTIRAFAN PEMARKAHAN PELIBATAN DAN  
PENCAPAIAN KOKURIKULUM MURID DALAM PENILAIAN PENTAKSIRAN AKTIVITI  
JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM (PAJSK) KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
MALAYSIA**

**JENIS PELIBATAN**

<b>JENIS</b>	<b>TAFSIRAN</b>
PELIBATAN I	Murid yang didaftarkan sebagai atlet/peserta perkhemahan/kejuhanan/ kursus/karnival/program pertandingan
PELIBATAN II	Pelibatan murid dalam aktiviti seperti: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jawatankuasa pelaksana</li> <li>- Petugas Teknikal</li> <li>- Persembahan selingan</li> </ul>
PELIBATAN III	Pelibatan murid yang bersifat meramaikan majlis seperti penyokong, kumpulan sorak dan sebagainya

**SKOR PELIBATAN**

<b>PERINGKAT</b>	<b>SKOR</b>		
	<b>Pelibatan I</b>	<b>Pelibatan II</b>	<b>Pelibatan III</b>
Antarabangsa	20	15	10
Kebangsaan	17	12	8
Negeri	14	10	6
Bahagian (Sabah/ Sarawak)	12	9	5
Zon/Daerah	11	8	4

**SKOR PENCAPAIAN**

<b>ELEMEN</b>	<b>PERKARA</b>	<b>SKOR</b>				
		Johan	Naib Johan	Ketiga	Keempat	Kelima
TAHAP PENCAPAIAN	PERINGKAT					
	Antarabangsa	20	19	18	17	16
	Kebangsaan	17	16	15	14	13
	Negeri	14	13	12	11	10
	Daerah	11	10	9	8	7
	Sekolah	8	7	6	5	4